

PROGRAM SMART ARABIC LEARNING





Program “SMART ARABIC LEARNING” bagi kod subjek bahasa ketiga (Bahasa Arab) TAC101, TAC151, TAC401, TAC451 DAN TAC501 adalah program anjuran bersama pensyarah-pensyarah bahasa Arab di bawah APB, Kampus Kuala Pilah dengan Jabatan bahasa Arab Fakulti Bahasa & Linguistik Universiti Malaya dan ALUMNI Jabatan Bahasa Arab Universiti Malaya.

Kebanyakan pelajar menganggap subjek Bahasa Arab adalah bahasa yang sukar dipelajari dan difahami terutamanya bagi mereka yang tiada asas bahasa Arab. Maka, program “SMART ARABIC LEARNING” ini diadakan sebagai salah satu usaha dan langkah untuk memberi pengetahuan mengenai teknik berkesan pembelajaran bahasa Arab. Program ini melibatkan perkongsian pengalaman dan pendedahan pembelajaran menggunakan aplikasi atas talian bagi meningkatkan motivasi diri pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mudah dan efektif.



PENSYARAH TERLIBAT:

1. Norshida Hashim
2. Tuan Sarifah Aini Syed Ahmad
3. Noor Shahida Wahab
4. Syahirah Almuddin



Program ini melibatkan perkongsian dari pensyarah Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah Ustazah Hanan Saleh mengenai aplikasi-aplikasi atas talian (socrative, kahoot), serta laman web (Memrise, Duolingo, Lingo, learning.aljazeera.net) yang boleh digunakan secara percuma dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Program ini juga melibatkan perkongsian dari Alumni Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa Timur Tengah yang telah berjaya di dalam bidang akademik sehingga memperoleh Ijazah Kedoktoran di usia muda serta kejayaannya dalam pelbagai bidang ko-kurikulum. Beliau telah memberikan perkongsian mengenai teknik pembelajaran bahasa Arab yang berkesan di samping pengalaman beliau dalam dunia pekerjaan.

Program ini dilihat berupaya menambah pengetahuan pelajar mengenai kaedah pembelajaran bahasa Arab secara efektif dan menyeronokkan. Program ini diakhiri dengan lawatan pelajar ke perpustakaan utama Universiti Malaya bagi mendedahkan pelajar mengenai sumber-sumber rujukan yang terlibat serta perkhidmatan yang ditawarkan. Program seumpama ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan penglibatan lebih ramai pelajar dan pensyarah.